

Tidak mudah tumbangkan kerajaan

Oleh FITRI NIZAM dan
AHMAD FADHLULLAH ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Keputusan untuk menentukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah kehilangan majoriti ahli Parlimen perlu diputuskan di Dewan Rakyat.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, di bawah Perkara baharu 49A (1), (2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan berkaitan undang-undang Anti Lompat Parti tidak menyebut mengenai Akuan Bersumpah (SD) untuk menyatakan sokongan terhadap sesuatu pihak.

Bagaimanapun, menurut beliau, penggunaan SD telah berlaku di bawah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah dalam dua keadaan berlainan untuk menentukan sama ada Perdana Menteri telah hilang sokongan di Parlimen.

"Keadaan pertama pada bulan Februari tahun 2020 selepas (bekas) Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meletak jawatan. Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah menggunakan SD ketika menghadap Yang di-Pertuan Agong



Di sebalik dakwaan pembangkang kononnya kerajaan telah hilang sokongan majoriti ahli Parlimen, Anwar Ibrahim terus fokus menjalankan tugas beliau dan semalam Meluncurkan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2023 "Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional: Penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional" di Sepang, semalam. UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

untuk membuktikan beliau mendapat sokongan majoriti yang diperlukan di Parlimen untuk menjadi Perdana Menteri.

"Dalam keadaan itu, Agong telah bersetuju dan berpuas hati bahawa Muhyiddin Yassin mempunyai sokongan yang mencuku-

pi pada hemat baginda sesuai dengan Perkara 43(2) (a)," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, penganalisis politik, Datuk Dr. Jeniri Amir berkata, tidak mudah untuk menumbangkan blok kerajaan dalam keadaan mereka mampu

nyai sokongan lebih 148 ahli Parlimen termasuk lima daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

"Lagipun dalam pertukaran Yang di-Pertuan Agong tidak lama lagi, bolehkah berlaku, dilayankah dan masuk akalkah?

Bagaimana perasaan Yang di-Pertuan Agong baharu?

"Jadi, ini hanya permainan kenyataan politik oleh mereka yang tidak mementingkan rakyat dan negara, tetapi lebih kepada mementingkan kuasa dan kepentingan mereka sendiri," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, Ketua Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor mendakwa pembangkang sudah mempunyai jumlah sokongan ahli Parlimen yang mencukupi bagi membolehkannya gabungan itu mengambil alih pentadbiran negara.

Mengulas lanjut, Jeniri berpendapat, orang ramai tidak perlu layan atau terpedaya dengan dakwaan itu yang sekadar untuk memuaskan hati penyokong mereka, namun beliau percaya ia hanya kepuasan sementara.

Sementara itu, Dr. Mazlan Ali dari Pusat Perdana Fakulti Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur berkata, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar juga sudah memberi isyarat supaya rakyat dan ahli politik bertenang dalam tempoh peralihan Yang di-Pertuan Agong.